

KHUTBAH BERSAMA MUSLIM ROHINGYA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Antara akhlak orang Islam, ialah berbuat baik sesama manusia. Inilah intipati ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana isi kandungan dalam khutbah Wada.'

Islam adalah agama penyelamat kepada manusia yang dizalimi, sekalipun mereka tidak beragama Islam. Sebagai contoh, Saiyidina Umar al-Khattab semasa membebaskan al-Aqsa, beliau membenarkan penganut Kristian dan Yahudi yang sebelum ini dihalau keluar daripada bumi Palestin kembali semula ke bumi al-Quds. Begitu juga bangsa Yahudi yang ditindas di Eropah, mereka juga diselamatkan oleh kerajaan Islam Othmaniyah.

Kerajaan Islam sejak dahulu lagi menyuruh membantu dan membela sesiapa sahaja yang dizalimi, apatah lagi saudara yang seaqidah dengan kita, yang ditindas dan dizalimi oleh orang lain.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Anfal ayat 72:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِنْ أَسْتَضْرُّوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمْ النُّصْرُ إِلَّا عَلَى قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ وَاللَّهُ
بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Yang bermaksud: *dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Baru-baru ini, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengeluarkan kenyataan rasmi, mengenai kebimbangan terhadap penindasan yang dilakukan

oleh junta tentera Myanmar ke atas Muslim Rohingya di wilayah Arakan, atau bumi Rakhine. Kenyataan tersebut melaporkan secara rasmi terdapat 125,000 penduduk Muslim Rohingya telah dihalau keluar menjadi pelarian.

Sejarah telah mencatatkan, bahawa Muslim Rohingya adalah penduduk tempatan di wilayah Rakhine. Pada tahun 2013, dunia telah memperakukan bahawa penduduk Muslim Rohingya merupakan warga asli keturunan Indo-Arya yang memeluk Islam sejak awal abad ke-8 Masihi lagi. Mereka juga mewarisi darah campuran Arab, Parsi, Bengali dan Mughal berdasarkan kepada kajian sejarah.

Malangnya umat Islam Rohingya telah ditindas ratusan tahun oleh kerajaan Myanmar. Hak mereka untuk menjadi warganegara telah dinafikan, bahkan telah dizalimi oleh pihak berkuasa, ramai menjadi pelarian.

Sekarang, telah tiba masa untuk kita berfikir, sejauh manakah kita sebagai individu dan masyarakat Muslim, memberikan respon terhadap musibah kemanusiaan yang menimpa saudara kita di sana. Berapa ramaikah antara kita yang ambil peduli dengan isu ini? Sedangkan masyarakat di Barat yang tidak beragama Islam sendiri pun bimbang dengan krisis yang berlaku.

Hayatilah Hadith Abu Daud yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah, bahawa Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda yang bermaksud: *Tiada seorang pun yang membiarkan seorang muslim dihinaan kemuliaannya di tempatnya sendiri, dan dilanggar hak-haknya, melainkan pasti Allah menghinakannya di tempat yang dia ingin mendapatkan pertolongan. Dan tiada ada seorang yang menolong seorang muslim di tempat dia dihinaan maruah serta melanggar hak-haknya melainkan Allah pasti menolong di tempatnya.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Seluruh umat Islam pada hari ini, menyatakan kekesalan terhadap kezaliman yang dilakukan oleh Myanmar ke atas umat Islam di Rohingya. Tanpa mengira keturunan, warna kulit dan agama, sesungguhnya kita amat kecewa, bagaimana masih wujud lagi dalam dunia moden ini, sebuah negara yang sanggup membiarkan tindakan tidak berperikemanusiaan, dilakukan oleh rakyat mereka ke atas kumpulan manusia yang lain. Marilah kita sebagai seorang yang beriman dan prihatin mengambil peranan masing-masing untuk menghulurkan bantuan kepada saudara kita yang ditindas dan dizalimi itu.

Adalah amat mendukacitakan kerana terdapat juga sebahagian kecil rakyat Malaysia, yang bukan sekadar tidak mengambil peduli dengan isu ini, bahkan berbangga dengan sikap tidak bertanggungjawab, sedangkan mereka adalah saudara seakidah, dan berjiran dengan kita. Sesungguhnya, Islam itu adalah agama rahmat kepada seluruh manusia.

Firman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* Surah al-Anfal ayat 73:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ كَفَرُوا بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُنْ فِتْنَةٌ فِي الْأَرْضِ وَفَسَادٌ

كَبِيرٌ

Yang bermaksud: *Dan orang yang kafir, setengahnya menjadi penyokong dan pembela bagi setengahnya yang lain. Jika kamu (wahai umat Islam) tidak menjalankan (dasar bantu-membantu sesama sendiri yang diperintahkan oleh Allah) itu, nescaya akan berlakulah fitnah (kekacauan) di muka bumi dan kerosakan yang besar.*

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.